



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PAHANG**

Tingkat 1, Wisma Persekutuan
25594 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR
MALAYSIA

Tel : 609-591 5000

Faks : 609-516 4931

Laman Web : <http://www.anm.gov.my/index.php/utama-pahang>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : ANM.PHG.600-15/2/2 Jld.2 (05)

Tarikh :

23 September 2022

SURAT PERINGATAN PERTAMA

**Senarai Edaran
(Seperti di Lampiran A)**

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI VOT

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, merujuk kepada para 2.7.4 Lampiran I: Garis Panduan Tatacara Penyelenggaraan Dan Semakan Laporan (**Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 7 tahun 2018**), PTJ hendaklah menyemak dan mengesahkan maklumat dalam laporan adalah tepat dan betul. Pengesahan hendaklah dilakukan dengan melengkapkan **Sijil Pengesahan baki di Lampiran I-6** dan mengemukakan kepada AO selewat-lewatnya pada **14** haribulan bulan berikutnya.

3. Berdasarkan kepada arahan tersebut, semakan JANM Pahang mendapati masih terdapat PTJ yang belum mengemukakan Pengesahan Baki Vot sehingga bulan Ogos 2022 seperti di **Lampiran A**. Bersama-sama ini dilampirkan status penerimaan Sijil Pengesahan Baki Vot bagi jabatan-jabatan di bawah seliaan JANM Pahang sehingga **bulan Ogos 2022**.

4. Sehubungan dengan itu, sila kemukakan Sijil Pengesahan Baki Vot kepada JANM Pahang dengan **kadar segera**. Tindakan semakan dan pengesahan laporan oleh PTJ adalah penting bagi memastikan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan disediakan dengan lengkap dan tepat.

5. Kerjasama dan tindakan **SEGERA** adalah diperlukan bagi penerimaan Sijil Pengesahan Baki Vot yang berstatus **TH (Tidak Hantar) dan K (Kuiiri)**. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila berhubung terus dengan pegawai berikut:

- | | | |
|-----|--------------------------|--------------|
| i) | Puan Noraida Binti Alias | (09-5915021) |
| ii) | Puan Zalina Binti Ngah | (09-5915021) |

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,

(BURHANUDIN BIN MOHD NOOR C.A.(M))

Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pahang